

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/02/27 - 10

LHDNM KELUARKAN SURAT DAN E-MEL PENJELASAN BERKENAAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA

Lanjutan daripada saranan yang dibuat oleh Menteri Kewangan melalui Kenyataan Media beliau bertarikh 10 Februari 2019, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sedang dalam proses menghantar surat dan e-mel kepada lebih tujuh juta pembayar cukai yang berdaftar bagi memberikan penjelasan mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang ditawarkan oleh kerajaan.

Surat dan e-mel susulan ini jelas menerangkan tujuan LHDNM mengeluarkan surat dan e-mel terdahulu adalah untuk menggalakkan pengakuan sukarela oleh pembayar cukai yang masih belum melaporkan pendapatan diterima di Malaysia dan disimpan di dalam akaun bank luar negara. Pembayar cukai tidak perlu khuatir sekiranya pendapatan yang diterima telah dilaporkan atau dikenakan cukai dan kemudiannya disalurkan ke luar negara, kerana segalanya adalah teratur di sisi undang-undang cukai pendapatan.

Prosedur pembukaan akaun bank di luar negara adalah seragam di peringkat antarabangsa, di mana butiran lanjut tentang pendaftaran dan maklumat percukaian perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa negara tersebut. Di bawah inisiatif Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) yang ditandatangani oleh lebih 100 negara, LHDNM telah mula menerima maklumat kewangan khususnya pemilikan akaun bank dari luar negara mulai bulan September 2018.

Dalam erti kata lain, PKPS menawarkan satu penyelesaian cukai bagi mereka yang ada akaun bank di luar negara tetapi pendapatannya tidak dilaporkan kepada LHDNM. Pada masa yang sama PKPS juga mengalu-alukan apa juga pengakuan (jika ada) yang ingin dibuat oleh pembayar cukai berhubung pendapatan yang berpunca dari dalam Malaysia.

Bagi pembayar cukai yang telah mengambil bahagian dalam PKPS bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya pula, pihak LHDNM konsisten dengan ketetapan untuk tidak akan menjalankan semakan lanjut terhadap pengakuan sukarela bagi tahun-tahun taksiran yang berkenaan.

Sehubungan itu, sekiranya pembayar cukai tidak mempunyai akaun bank luar negara atau apa-apa pengakuan, tiada keperluan bagi mereka untuk hadir ke pejabat LHDNM.

Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, pembayar cukai disarankan untuk menghubungi:

- I. Pejabat LHDNM yang berhampiran
- II. Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara); atau
- III. e-mel pertanyaan kepada pengakuansukarela@hasil.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Sabin bin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

27 Februari 2019

LHDN
M A I L A Y S I A

###



Sila Hubungi :

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube